

Hubungan Tret Personaliti Dengan Tahap Pencapaian Akademik Guru Praperkhidmatan

Uzzairah Nabila Ahmad Tazli¹, Muhammad Ghazawi Zulkarnain², Nurrul Huwaina Ridzuan Lotfi², Norazly Nordin²

¹Department of Early Childhood Education, Universiti Selangor, 45600 Bestari Jaya Selangor
uzzairah@unisel.edu.my

²Faculty of Education and Science Sosial
huwaina@unisel.edu.my
azlynordin@unisel.edu.my

Abstrak: Kajian ini bertujuan mengenal pasti hubungan antara tret personaliti dengan tahap pencapaian akademik guru pra perkhidmatan di Universiti Selangor (Unisel). Kajian ini melibatkan seramai 70 orang guru pra perkhidmatan program Diploma Pendidikan (Pengajian Prasekolah) semester tujuh ambilan Ogos 2016. Data dikumpul melalui soal selidik *Neuroticism Extraversion Openness (NEO) Personality Inventory (PI)-Revised (R)*. Analisis deskriptif iaitu frekuensi dan peratus digunakan untuk analisis taburan. Sementara itu, analisis Chi Square digunakan untuk mengkaji korelasi antara tret personaliti dengan tahap pencapaian akademik guru praperkhidmatan. Data dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS)*. Dapatan deskriptif menunjukkan guru pra perkhidmatan memiliki personaliti yang sesuai dengan ciri-ciri seorang guru iaitu *agreeableness, openness to experience, conscientiousness, extraversion dan neuroticism*. Bagi tret *Neuroticism* berada pada tahap paling rendah antara kelima-lima tret tersebut. Dapatan kajian menunjukkan tiada hubungan yang signifikan antara tret personaliti dengan tahap pencapaian akademik guru praperkhidmatan Unisel. Melalui kajian ini, diharap pentadbiran institusi pendidikan seperti Unisel serta tadika perlu mempertimbangkan untuk menggunakan ujian-ujian personaliti seperti NEO-PI-R, untuk mengenalpasti tret personaliti guru pra perkhidmatan dalam proses merekrut guru-guru baru.

Kata kunci: Tret personaliti, pencapaian akademik, guru praperkhidmatan, personaliti

Abstract: The purpose of this study was to identify the relationship between personality traits with academic achievement level of pre-service teachers at Universiti Selangor (Unisel). This study involved 70 of pre-service teachers Diploma in Education (Preschool study) intake of August 2016. The data were collected through the Neuroticism Extraversion Openness (NEO) Personality Inventory (PI) -Revised (R) questionnaire. Descriptive analysis of frequency and percentage used for distribution analysis. Meanwhile, Chi Square analysis is used to examine the correlation between personality traits with academic achievement level of pre-service teachers. The data weuroticism. For Neuroticism traits are at the lowest level between the five traits. The findings show that there is no significant correlation between personality trait with academic achievement level of Unisel's preservice teacher. Hopefully, through this study that the administration of educational institutions such as Unisel and kindergarten should consider using personality tests such as NEO-PI-R, to identify the tret personality of pre-service teachers in the process of recruiting new teachers.

Keywords: Personality Trait, Academic achievement, Pre-service teachers, Personality

1. Pengenalan

Setiap manusia itu mempunyai sikap dan juga sifat yang berbeza bergantung kepada cara mereka dibesarkan dan pengalaman. Sikap inilah yang akan menentukan personaliti setiap individu tersebut. Perbezaan personaliti pada setiap individu akan membawa impak yang berbeza ke atas kehidupan dan hasil kerja yang dilakukan seseorang. Personaliti yang positif mahupun negatif akan melahirkan kesan yang sama mengikut ransangan yang diberikan. Pada umumnya, personaliti merujuk pada sahsiah atau keperibadian tetapi secara keseluruhannya, personaliti merujuk kepada sifat - sifat yang wajib dimiliki oleh seseorang manusia seperti pendekatan dalam berfikir, bertingkah laku, meluahkan perasaan, menyatakan pandangan dan sebagainya yang menyebabkannya boleh dibezakan dengan individu lain (Norhaiza, 2015). Disebabkan itulah, personaliti difahami sebagai sifat-sifat emosi, fizikal, dan intelek terhadap sesama manusia

Isu personaliti adalah perkara paling utama dalam pemilihan kerjaya yang difikirkan serasi bagi diri seseorang individu (Zulelawati & Yusni Zaini, 2015). Selain kemahiran dan pengetahuan, guru juga perlu melengkapkan diri dengan personaliti guru yang baik agar ianya mampu merangsang minat murid untuk mendekati ilmu pelajaran. Personaliti boleh dijadikan sebagai peramal dalam menilai keberkesanan pengajaran (Norhaiza, 2015). Personaliti pendidik yang hebat boleh mendatangkan impak yang mendalam terhadap proses belajar pelajar, hal ini kerana personaliti yang menarik mampu membuatkan guru menjadi idola kepada pelajar mereka. Menurut Abdul (2008), guru berkesan merupakan seorang guru yang mempunyai nurani yang lembut serta mampu mendatangkan impak dari sudut personaliti dan menghasilkan suatu perubahan tingkah laku positif kepada pelajarnya (melalui Zulelawati & Yusni Zaini, 2015, p. 174). Oleh itu, personaliti seseorang guru sangat kuat pengaruhnya kepada para pelajar dan mampu memberi impak kepada tingkah laku pelajarnya. Personaliti seorang guru perlu dibentuk sejak dalam latihan lagi. Pada peringkat permulaan inilah, personaliti dan sikap positif ke arah pendidikan prasekolah perlu dibentuk. Tanggungjawab guru bukan hanya sekadar memberikannya ilmu pengetahuan, bahkan tanggungjawab mereka juga meliputi aspek mendidik untuk membentuk sikap dan akhlak pelajar. Bagi mencapai tujuan ini, guru dari peringkat awal perlu menunjukkan contoh disiplin yang terpuji. Antaranya adalah nilai-nilai murni dan kemahiran abad ke 21 supaya pelajar sedar akan kepentingannya dan mencontohi guru seperti yang terkandung dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan 2017), (KPM, 2016).

Menurut Khairul Anuar (2012), kerjaya dalam sektor pendidikan ini adalah satu pekerjaan yang memiliki peranan tersendiri dalam melahirkan generasi akan datang. Disebabkan itu, personaliti seharusnya menjadi salah satu perkara yang perlu diambil kira sebelum guru keluar berkhidmat dalam industri pendidikan khususnya prasekolah dan pendidikan awal kanak-kanak. Oleh kerana melihat kepentingan personaliti guru, pengkaji berminat untuk melakukan kajian berkenaan tret personaliti dan hubungannya dengan pencapaian akademik guru pra perkhidmatan Diploma Pendidikan Prasekolah Universiti Selangor (UNISEL). Malah, dalam kajian ini pengkaji ingin melihat sama ada wujud hubungan antara personaliti dengan pencapaian akademik guru pra perkhidmatan yang berada pada semester akhir Diploma Pendidikan Prasekolah. Pengkaji sedar akan kepentingan personaliti terhadap pelbagai aspek namun pencapaian akademik masih menjadi persoalan.

2. Tinjauan Literatur

Khairul Anuar (2012) menggariskan ciri-ciri guru berkesan iaitu kekuatan personaliti dan keberkesanan komunikasi termasuklah penggunaan bahasa dan sifat kecondan. Oleh itu, personaliti dilihat sebagai salah satu faktor guru yang berkesan. Penggunaan bahasa yang kasar terhadap pelajar boleh mengganggu dan mengubah emosi pelajar dan seterusnya boleh mengundang kepada berlakunya konflik antara guru dan juga pelajar. Pencapaian akademik pelajar merupakan petunjuk dan tanda aras terhadap kefahaman mereka. Menurut Gray & Watson (2002), model personaliti Big Five adalah pendekatan yang paling banyak digunakan dalam menjelaskan tingkah laku pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar (Fatimahwati & Ling, 2016).

Kajian oleh Zulelawati Bujang & Yusni Zaini (2015) untuk mengenalpasti hubungan tret personaliti guru pra perkhidmatan semester 8 dengan pencapaian akademik. Maklumat demografi diukur menggunakan analisis deskriptif dan Big Five Tret menggunakan instrumen 'The Big Five Inventory'. Bagi menganalisis hubungan antara keduanya, pengkaji menggunakan analisis Spearman Rank. Hasil kajian menunjukkan tiada hubungan signifikan antara keduanya. Namun, pengkaji mendapati analisis korelasi yang digunakan dalam kajian ini kurang sesuai di mana Spearman Rank seharusnya digunakan sekiranya kedua-dua pemboleh ubah berbentuk nominal. Jadi, dalam kajian ini, pengkaji menggunakan analisis korelasi Chi Square yang dilihat lebih sesuai untuk menganalisis data nominal dan ordinal.

Kajian yang hampir sama dijalankan di Amerika Syarikat oleh Amanda Rae Bolding pada tahun 2017 untuk mengkaji hubungan antara tret personaliti dengan prestasi guru pra perkhidmatan. Rekabentuk yang digunakan adalah kuasi-eksperimental dan korelasi. Kajian menggunakan teori Big Five dan menggunakan instrumen M5-120 yang dibina oleh pengkaji. Responden terdiri daripada 594 orang guru pra perkhidmatan daripada Western Carolina University. Prestasi diukur menggunakan disposition rating yang perlu dilengkapkan sebelum tamat pengajian. Data dianalisis menggunakan Spearman Rank. Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan korelasi yang lemah antara tret personaliti dengan prestasi guru pra perkhidmatan.


Kajian yang dilakukan oleh Fatimahwati & Ling (2016) untuk mengkaji hubungkait di antara determinasi sendiri, personaliti big five dengan motivasi pencapaian dan pencapaian akademik. Dapatan dianalisis dengan menggunakan sistem Statistical Package for Social Science (SPSS). Instrumen lain yang digunakan adalah Learning Self Regulation Questionnaire (SRQ-L), Big Five Inventory (BFI) dan Skala Pencapaian Motivasi (CLAMS). Dapatan menunjukkan terdapat korelasi yang signifikan bagi personaliti keterbukaan, kehematan, , ekstraversi dan kebersetujuan dengan pencapaian akademik. Namun, personaliti neurotisme tidak menunjukkan korelasi yang signifikan dengan pencapaian akademik. Kajian ini menunjukkan tetap ada korelasi yang signifikan walaupun tidak pada semua tret personaliti.

Noor Erma & Leong (2014), dapatan daripada kajian ini membuktikan bahawa minat, sikap dan pengajaran seorang guru adalah tindakan penting dalam menjamin pencapaian setiap murid bagi subjek Matematik Tambahan yang juga dikaitkan dengan personaliti. Malah, dalam kajian oleh Fatimahwati & Ling (2016), hasil kajian menunjukkan hubungan guru dan tingkah laku pelajar terhadap subjek tersebut mempunyai korelasi

yang signifikan. Hal ini bermakna pencapaian akademik boleh dipengaruhi oleh personaliti seseorang individu tersebut. Malah, akan turut mempengaruhi personaliti pelajar apabila bergelar guru pada masa akan datang. Oleh yang demikian, pengkaji akan mengkaji tentang tret personaliti, tahap pencapaian akademik serta hubungan antara kedua-duanya memandangkan kajian literatur daripada kajian-kajian lain menunjukkan tahap korelasi yang tidak konsisten.

3. Metodologi

Teori personaliti Big Five yang telah diperkenalkan oleh Lewis R. Goldberg pada tahun 1981 akan digunakan sebagai kerangka konsep kajian. Kerangka ini dikembangkan oleh Allport iaitu seorang tokoh falsafah psikologi terulung yang mengandungi lima dimensi iaitu agreeableness, extraversion, conscientiousness, neurotisme dan openness manakala pencapaian akademik yang dirujuk diukur berdasarkan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) pelajar yang diambil kira selama tujuh semester.



Rajah1 Kerangka konseptual kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif serta berbentuk kajian korelasi iaitu mengkaji hubungan antara dua perkaitan. Dalam pemilihan responden untuk kajian ini pula kaedah persampelan bertujuan telah digunakan di mana penyelidik menggunakan pelajar semester akhir dalam jurusan Diploma Pendidikan (Pengajian Prasekolah) sahaja kerana personaliti mereka yang dilihat lebih dominan boleh dilihat kerana telah mengikuti selama tujuh semester pengajian. Instrumen yang digunakan dalam kajian iaitu trait personaliti *Neuroticism Extraversion Openness (NEO) Personality Inventory (PI)-Revised (R)* yang telahpun dibangunkan oleh Costa & McCrae (1992) dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Haziq Azree dan Zalipah (2015). Soal selidik demografi juga digunakan untuk mengetahui sejauh mana latar belakang dan skor akademik pelajar.

Instrumen yang digunakan telah terbahagi kepada dua iaitu trait personaliti iaitu Neuroticism Extraversion Openness (NEO) Personality Inventory (PI)-Revised (R) yang telahpun dibangunkan oleh Costa & McCrae (1992) dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Haziq Azree dan Zalipah (2015). Selain itu, soal selidik demografi juga telah dihasilkan dengan tujuan untuk mengetahui sejauh mana latar belakang dan skor akademik pelajar.

Bahagian A: Demografi Sampel

Bahagian A mengandungi item-item yang mempunyai hubungan dengan maklumat peribadi atau latar belakang responden. Antara yang terkandung ialah umur, jantina serta skor akademik. Setiap item yang telah disediakan mempunyai beberapa pilihan jawapan yang difikirkan bersesuaian dengan soalan dan ianya telah diletakkan di ruangan kod pilihan. Responden yang dipih oleh pengkaji dikehendaki hanya menandakan (√) dalam ruang jawapan yang disediakan pada borang soal selidik.

Bahagian B : Ujian NEO-PI-R

Bahagian ini mengandungi 44 item soalan menggunakan skala Likert 5 pilihan. 14 item daripadanya adalah soalan negatif. Extraversion: 1, 6R, 11, 16, 21R, 26, 31R, 36; Agreeableness: 2R, 7, 12R, 17, 22, 27R, 32, 37R, 42; Conscientiousness: 3, 8R, 13, 18R, 23R, 28, 33, 38, 43R; Neuroticism: 4, 9R, 14, 19, 24R, 29, 34R, 39; Openness: 5, 10, 15, 20, 25, 30, 35R, 40, 41R, 44. Responden dalam kajian ini harus menjawab dengan menggunakan skala likert 5 poin (1-sangat tidak setuju hingga 5-sangat setuju) dengan melaporkan darjah dengan melihat diri mereka. Inventori ini mudah difahami oleh responden kajian. Namun, bagi soalan negatif skala akan diterbalikkan untuk dimasukkan dalam indikator NEO-PI-R.

Jadual 1

Skala asal yang diterbalikkan diadaptasi daripada Haziq Azree Yazid dan Zalipah Binti Ibrahim, (2015)

Skala Asal	1	2	3	4	5
Diterbalikkan	5	4	3	2	1

Data yang telah dikumpul ini dianalisis dengan menggunakan program Statistical Packages For Social Sciences (SPSS) 20 for Windows. Setiap jawapan yang diberikan oleh responden melalui borang kaji selidik telah dikira secara sistematik dengan menggunakan indikator NEO- PI-R. Data terkumpul juga telah dianalisis dengan menggunakan statistik diskriptif iaitu peratus dan frekuensi untuk menjawab objektif kajian.

4. Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Jenis Jantina Responden

Jadual 2 menunjukkan jenis jantina dalam bentuk frekuensi dan peratusan taburan responden. Berdasarkan jadual ini, jumlah responden seramai 70 orang guru pra perkhidmatan lulusan Diploma Pendidikan Prasekolah semester 7 (Ambilan Ogos 2016). Daripada jumlah ini, 68 orang pelajar atau 97.1% ialah responden wanita. Selain daripada jumlah itu, hanya 2 orang atau 2.9% daripada jumlah keseluruhan merupakan responden lelaki.

Jadual 2 : Jenis Jantina Responden

Jantina	Frekuensi	Peratus
Lelaki	2	2.9
Perempuan	68	97.1
Jumlah	70	100

Tahap Umur Responden

Jadual 3 menunjukkan tahap umur responden dalam bentuk frekuensi dan peratusan. Berdasarkan jadual ini, daripada jumlah responden seramai 70 orang, 67 atau 95.7% daripadanya adalah daripada tahap umur 18 hingga 21 tahun yang mewakili majoriti responden. 2 atau 2.9% daripada jumlah keseluruhan responden adalah dalam kalangan umur 22 hingga 25 tahun manakala 1 orang atau 1.4% berumur antara 26 hingga 29 tahun.

Jadual 3 : Tahap Umur Responden


Umur responden	Frekuensi	Peratus
18-21	67	95.7
22-25	2	2.9
26-29	1	1.4
Jumlah	70	100

Persoalan 1: Tret Personaliti Guru Pra Perkhidmatan

Daripada Jadual 4 menunjukkan jenis personaliti yang paling dominan adalah agreeableness sebanyak 41.4% atau frekuensi seramai 29 orang responden. 28 orang atau 40% orang responden dominan kepada personaliti openness. Tret personaliti conscientiousness adalah sebanyak 10% atau 7 orang responden. Tret personaliti extraversion seramai 4 orang iaitu 5.7%. Tret personaliti seterusnya adalah neuroticism sebanyak 2.9% atau 2 orang responden yang juga disebut sebagai gangguan emosi.

Jadual 4 : Tret Personaliti Guru Pra Perkhidmatan

Tret personaliti	Frekuensi	Peratus
Agreeableness	29	41.4
Openness	28	40
Conscientiousness	7	10
Extraversion	4	5.7
Neuroticism	2	2.9



Rajah 4.1. Tret personaliti guru pra perkhidmatan

Persoalan 2: Tahap Pencapaian Akademik Guru Pra Perkhidmatan

Jadual 5 menunjukkan tahap prestasi akademik guru pra perkhidmatan Diploma Pendidikan Prasekolah Unisel ambilan Ogos 2016. Seramai 5 orang atau 7.1% guru pra perkhidmatan mencapai PNGK dalam kategori 3.75 hingga 4.00 iaitu cemerlang. Seramai 60 orang atau 85.7% guru pra perkhidmatan mencapai PNGK 3.00-3.74 iaitu baik. 5 orang atau 7.1% guru pra perkhidmatan berada dalam kategori PNGK 2.0-2.99 iaitu memuaskan. Hal ini menunjukkan 92.8% guru pra perkhidmatan Unisel memperoleh pencapaian akademik yang baik dan cemerlang.

Jadual 5: Purata Nilai Gred Terkumpul Guru Pra Perkhidmatan

Tahap pencapaian akademik (PNGK)	Frekuensi	Peratus
3.75-4.00 (Cemerlang)	5	7.1
3.00-3.74 (Baik)	60	85.7
2.00-2.99 (Memuaskan)	5	7.1
0.00-1.99 (Kurang memuaskan)	0	0
Jumlah	70	100

Persoalan 3: Hubungan antara tret personaliti dengan tahap pencapaian akademik guru pra perkhidmatan

Berdasarkan Jadual 6 di bawah menunjukkan dapatan kajian bagi menguji Hipotesis nol seperti berikut:

H01 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tret personaliti dengan tahap pencapaian akademik guru pra perkhidmatan dalam jurusan Diploma Pendidikan Prasekolah Unisel.

Hasil daripada analisis tersebut, mendapati keputusan ujian Chi Square adalah 3.339 dengan aras signifikan 0.911. Nilai signifikan lebih besar daripada 0.05 iaitu [$\chi^2(8, N=70) = 3.339, p > .911$] menunjukkan tidak signifikan

Jadual 6: Dapatan Ujian Chi Square
Dapatan Ujian Chi-Square

	Value	df	Asymp. Sig. (2-sided)
Pearson Chi-Square	3.339 ^a	8	.911
Likelihood Ratio	5.051	8	.752
Linear-by-Linear Association	.000	1	1.000
N of Valid Cases	70		

Dapatan kajian yang menunjukkan personaliti dominan adalah agreeableness yang sememangnya sinonim dan sesuai dengan kerjaya seorang guru. Sebaliknya, personaliti yang paling kurang dimiliki oleh guru pra perkhidmatan adalah neuroticism atau gangguan emosi. Peratusan paling tinggi tahap pencapaian akademik guru pra perkhidmatan Unisel berada di tahap baik iaitu antara 3.00 hingga 3.74. Dapatan menunjukkan tiada hubungan yang signifikan antara personaliti dengan tahap pencapaian akademik guru pra perkhidmatan Unisel.

5. Perbincangan

Dapatan menunjukkan personaliti yang mendapat frekuensi dan peratus tertinggi adalah agreeableness dan diikuti dengan openness, conscientiousness, extraversion serta neuroticism

Persoalan 1: Tret Personaliti

Peratusan tertinggi tret personaliti adalah *agreeableness* di mana sifatnya yang dipamerkan adalah peramah, suka menolong, berkeperimanusiaan. Malah, mereka seorang yang optimistik dan mudah melihat kebaikan pada orang lain. Sifat positif ini memudahkan mereka untuk bekerja dalam satu kumpulan dan mempunyai hubungan yang rapat dan baik bukan sahaja dengan murid-murid tadika tetapi rakan sekerja dan komuniti. Guru-guru di sekolah bergaul dan bekerjasama seperti satu keluarga. Malah bersedia bekhidmat dan bekerjasama dengan komuniti setempat. Hal ini disokong oleh kajian Strang et al. (2009) melalui Nurul Hudani, Ma'rof dan Noor Hisham (2016) mendapati tret agreeableness adalah tret yang paling menonjol dalam hubungan dengan prestasi kerja guru (p. 111).

Bagi personaliti *neuroticism* yang mempunyai frekuensi dan peratusan paling rendah dalam kajian ini. Individu ini biasanya berpandangan negatif seperti marah, muram, takut, bimbang terhadap sesuatu dan boleh merasakan lebih daripada satu perasaan pada waktu yang sama. Golongan ini juga memiliki ransangan perasaan yang reaktif dan kerap bertindak menggunakan emosi, malah lebih tertekan. Melalui dapatan kajian, walaupun bilangannya sedikit tetapi menyumbang kepada pembangunan emosi kanak-kanak. Pembelajaran kanak-kanak yang seharusnya menarik akhirnya membawa tekanan kepada kedua-dua pihak dalam pengajaran. Maka, intervensi awal perlu dilaksanakan bagi memastikan guru-guru pra

perkhidmatan ini dilengkapi dengan personaliti dan pelbagai kemahiran yang baik.

Persoalan 2: Tahap Pencapaian Akademik

Daripada dapatan kajian, tahap pencapaian akademik responden berada di tahap baik dan kelihatan tidak selari dengan tret personaliti yang pelbagai. Ini menunjukkan guru pra perkhidmatan mempunyai personaliti yang pelbagai walaupun mempunyai pencapaian akademik yang dominan. Pencapaian akademik yang baik tidak menjanjikan individu tersebut mempunyai personaliti yang sesuai sebagai guru. Kesiediaan untuk menjadi seorang guru perlu dilihat dalam skop yang lebih luas iaitu kemahiran serta personalitinya. Banyak faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik seseorang. Kajian yang dijalankan oleh Abdul Muqisith (2013), menyatakan faktor-faktor pencapaian akademik adalah sikap, pengetahuan sedia ada dan kemahiran belajar.

Seharusnya majikan-majikan di institusi pendidikan atau sekolah mempertimbangkan perkara ini sebelum mengambil seseorang guru bekerja. Temuduga seharusnya dijalankan secara lisan dan tidak menfokuskan kepada pencapaian akademik semata-mata. Hal ini bagi mengelakkan berlakunya masalah dalam institusi seperti masalah emosi dan penderaan kepada kanak-kanak.

Persoalan 3: Hubungan Antara Tret Personaliti Dengan Tahap Pencapaian Akademik

Dapatan menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tret personaliti dan prestasi akademik. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Bolding (2017), iaitu tret personaliti ekstraversi dan openness mempunyai korelasi yang lemah dengan prestasi guru pra perkhidmatan. Walau bagaimanapun, kajian yang telah dijalankan oleh Che Mah & Mariani (2001) menyatakan bahawa personaliti seseorang memainkan peranan penting sebagai penyumbang kepada pencapaian akademik pelajar. (Zulelawati & Yusni Zaini, 2015, p.176).

6. Implikasi Kajian

Terdapat beberapa implikasi kajian ini berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan. Antaranya adalah pentadbiran institusi pendidikan seperti Unisel, tadika serta penggubal polisi perlu mempertimbangkan untuk menggunakan ujian-ujian personaliti seperti NEO-PI-R, MBTI, BFI atau pelbagai jenis ujian lagi untuk mengenalpasti tret personaliti guru pra perkhidmatan dalam proses merekrut guru-guru baru atau kenaikan pangkat. Contohnya, guru dalam personaliti Extraversi, Openness, Conscientiousness dan Agreeableness lebih sesuai bekerja dalam persekitaran lebih menyeronokkan seperti sekolah, tadika atau taska. Sebaliknya, guru yang mempunyai personaliti Neuroticism lebih sesuai dalam persekitaran yang lebih konvensional seperti bahagian pentadbiran. Ini diakui dalam kajian yang dilakukan oleh Wong & Zhang (2013) yang turut memberi cadangan yang sama. Diharapkan dengan melakukan ujian-ujian personaliti ini akan mengurangkan isu yang melibatkan profesionalisme keguruan seperti kecenderungan ke arah penderaan, sikap guru yang

terlalu garang dan tidak mesra dan guru yang mudah tertekan.

Selain ujian-ujian personaliti, pihak pentadbiran institusi pengajian tinggi seperti Unisel juga perlu mengadakan temuduga bagi mana-mana individu yang berhasrat menyambung pegajian dalam bidang pendidikan khususnya pendidikan awal kanak-kanak dan prasekolah. Hal ini bagi melihat sendiri pembawakan diri, personaliti dan karakter mereka dalam menyelesaikan masalah dalam situasi temuduga seperti menjawab soalan berpandukan bidang masing-masing.

Pengetua tadika boleh juga mempertimbangkan untuk menggunakan ujian-ujian personaliti seperti NEO-PI-R untuk meningkatkan kesedaran individu mengenai ciri-ciri personaliti mereka. Walaupun isu guru-guru stress merupakan isu yang subjektif tetapi guru yang mengetahui personaliti mereka dapat mengenalpasti kekuatan dan bidang yang berpotensi dalam perkembangan kerjaya. Malah, guru-guru ini dapat menilai dan memikirkan solusi bagi setiap permasalahan personaliti mereka dan cuba mengadaptasi dalam suasana persekitaran tadika dan taska. Malah, guru-guru berpeluang mengenal diri mereka dengan lebih baik lagi dan boleh mengawal personaliti yang mungkin membawa mudarat kepada diri mereka atau kanak-kanak khususnya.

Daripada sudut amalan pengajaran, guru yang mempunyai personaliti Conscientiousness perlu lebih berani mencabar diri melaksanakan program atau mewujudkan bahan bantu mengajar yang baru dan lebih mencabar kemampuan diri mereka. Mereka perlu keluar dari zon selesa dan berusaha ke arah meningkatkan kualiti pengajaran. Antaranya adalah dengan menghadirkan diri ke kursus-kursus berkaitan peningkatan profesionalisme dan inovasi yang membawa impak kepada pengajaran. Seperti sedia maklum, evolusi pendidikan yang kini menekankan tentang kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan pendidikan alaf 21 sangat mencabar kepada guru-guru. Kemahiran dan pengetahuan yang ada perlu diperkukuh dan ditambah baik seiring dengan peredaran zaman.

Menurut Bolding (2017), National Council for the Accreditation of Teacher Education (NCATE) di Amerika Syarikat telahpun membina satu set standard bagi menekankan kepentingan untuk memantau prestasi guru pra perkhidmatan. Jadi, pihak universiti dan kolej perlu memastikan mereka menyediakan guru pra perkhidmatan yang memahami kandungan dan mampu mengajar dengan baik. Diharapkan institusi pendidikan khususnya Unisel membina sikap profesional dan personaliti yang baik melalui persekitaran pendidikan yang disediakan. Oleh yang demikian, pihak kementerian boleh mempertimbang untuk mewujudkan satu badan yang memantau prestasi semasa guru dan menyaring pengambilan guru dalam perkhidmatan seperti mana yang terdapat dalam jurusan lain seperti farmasi yang dikawal selia oleh Lembaga Farmasi Malaysia.

7. Cadangan Kajian Lanjutan

Selain daripada yang dibincangkan di atas, pengkaji mengharapkan akan ada lebih banyak kajian berkaitan personaliti, pembangunannya dan hubungan dengan pembolehubah yang lain seperti minat, motivasi, pencapaian pelajar dan sebagainya. Kajian antara personaliti guru dengan pelajar sangat penting untuk melihat impak

personaliti terhadap pembangunan akademik atau sahsiah pelajar. Kajian-kajian personaliti ini diharapkan akan diperkembangkan dari semasa ke semasa berikutan personaliti guru yang pelbagai dan dapat membantu guru mengenal sikap dan potensi diri mereka.

Ujian personaliti yang pelbagai boleh dipertimbangkan untuk digunakan dalam kajian-kajian akan datang bagi melihat kesesuaian kajian. Ujian personaliti NEO-PI-R merupakan antara ujian personaliti yang telah melalui beberapa pembaharuan dan diterjemah ke dalam pelbagai bahasa. Namun, dapatan dilihat agak longgar kerana kurang spesifik dan hanya mengambil kira personaliti yang dominan sahaja bagi setiap individu. Malah, perbezaan antara setiap tret personaliti tidak dapat dilihat dengan jelas kerana hampir sama. Pengkaji mencadangkan untuk kajian-kajian akan datang digunakan ujian MBTI sebagai indikator personaliti yang dilihat lebih spesifik dan mendalam. Malah, dengan instrumen yang lebih terperinci akan membantu pengkaji mendapatkan tret personaliti yang memerlukan bimbingan atau menunjukkan kecenderungan personaliti yang negatif.

Responden kajian juga boleh ditingkatkan supaya pengkaji akan dapat gambaran yang lebih jelas mengenai jenis-jenis personaliti yang ada dan hasil dapatan kajian boleh digeneralisasikan pada populasi. Dalam kajian ini menggunakan persampelan bertujuan yang menfokuskan kepada guru pra perkhidmatan yang berada di semester akhir sahaja. Namun, jika dapat dijalankan ke atas semua guru pra perkhidmatan, akan lebih baik dan dapat melihat tret personaliti paling dominan.

Kajian akan datang juga disaran untuk dijalankan dalam bentuk kualitatif yang diharapkan dapat mengukur dengan lebih jelas dan terperinci mengenai personaliti guru. Pengkaji boleh mempertimbangkan untuk melihat hubungannya dengan personaliti pelajar, minat pelajar, pemahaman pelajar, motivasi dan sebagainya. Kajian-kajian ini lebih sesuai dijalankan secara pemerhatian dan berterusan dalam satu tempoh tertentu. Oleh itu, kajian lanjutan yang dilaksanakan secara kualitatif akan membantu untuk mengenal pasti faktor-faktor yang dapat menyelaraskan kajian tentang hubungan personaliti dan prestasi akademik.

8. Kesimpulan

Bagi menjawab objektif pertama iaitu mengenalpasti tret personaliti, dapatan kajian menunjukkan peratusan paling tinggi iaitu 41.4% atau 29 orang responden mempunyai personaliti jenis agreeableness. Personaliti paling rendah bilangannya adalah neuroticism sebanyak 2.9% atau 2 orang responden. Objektif kajian yang kedua adalah untuk melihat tahap pencapaian akademik guru pra perkhidmatan. Seramai 60 orang atau 85.7% guru pra perkhidmatan mencapai PNGK 3.00-3.74 iaitu baik. Bagi menjawab objektif ketiga, dapatan kajian bagi menjawab objektif ketiga iaitu melihat hubungan antara variabel menunjukkan tiada hubungan yang signifikan antara tret personaliti dengan tahap pencapaian guru pra perkhidmatan.

Dengan adanya kajian ini, diharapkan institusi pendidikan khususnya Unisel menitikberatkan personaliti bagi pengambilan pelajar jurusan pendidikan terutamanya prasekolah dan pendidikan awal kanak-kanak. Malah, dapat menyediakan guru yang bukan sahaja berkemahiran tetapi mempunyai personaliti yang baik supaya mampu

mendepani cabaran dalam dunia pendidikan termasuklah hubungan baik dengan rakan sekerja dan pelajar. Segala hasil kajian, data dan cadangan boleh digunakan sebagai rujukan untuk pengkaji akan datang.

9. Rujukan

- Zulelawati Bujang & Yusni Zaini Yusof. 2015. Trait personaliti dan hubungan dengan prestasi akademik bakal guru di sebuah institusi latihan perguruan. *Jurnal bitara edisi khas (psikologi kaunseling)* Vol. 8
- Nohaiza Tahir. 2015. Hubungan personaliti guru terhadap kemahiran proses sains pelajar. (*Sarjana Pendidikan Teknikal, Sekolah Tun Hussein Onn, 2015*)
- Abdul Muqsith Ahmad. 2015. Faktor yang mempengaruhi perbezaan pencapaian akademik pelajar lepasan diploma politeknik dan matrikulasi terhadap subjek kejuruteraan. *Tesis sarjana*. Retrieved from eprints.uthm.edu.my/5364/ Khairul Anuar A.Rahman. 2012. Disposisi Guru Berkesan: Personaliti dan Kemahiran Jurnal Komunikasi. *Akademika* 82(2). 37-44
- Haziq Azree Yazid & Zalipah Ibrahim. (2015). *Pembinaan dan kesahan modul memburu impian dalam meningkatkan kesedaran kerjayadalam kalangan murid sekolah rendah.* (tesis sarjana). Retrieved from http://eprints.uthm.edu.my/5364/1/ABDUL_MUQSITH_BIN_AHMAD.pdf
- Kamus Pelajar Edisi Kedua. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Khairul Anuar A.Rahman. (2012). Disposisi Guru Berkesan: Personaliti dan Kemahiran Jurnal Komunikasi. *Akademika* 82(2). 37-44
- Khalip Musa & Hariza Abd. Halim. (2015). Kemahiran interpersonal guru dan hubungan dengan pencapaian akademik pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 40 (2). 89-99
- Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan dalam pendidikan*. (2nd ed.). Shah Alam: Mc Graw Hill
- Nohaiza Tahir. (2015). Hubungan personaliti guru terhadap kemahiran proses sains pelajar. (*Sarjana Pendidikan Teknikal, Sekolah Tun Hussein Onn, 2015*)
- Nurul Hudani Md. Nawi1, Ma'rof Redzuan & Noor Hisham Md Nawi. (2016). Hubungan antara tret personaliti kehematan, keterbukaan pada pengalaman, ekstraversi dan kesetujuan dengan prestasi kerja dalam kalangan pemimpin pendidik bagi sekolah prestasi tinggi (sbt) di Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia* 30 (1). 102-112
- Junaidah Mohamad dan Nik Rosila Nik Yaacob. (2013). Kajian Tentang Kepuasan Bekerja Dalam Kalangan Guru-guru Pendidikan Khas. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*. (28). 103-115

Lau, Katherine S. L., "Big Five Personality Traits, Pathological Personality Traits, and Psychological Dysregulation: Predicting Aggression and Antisocial Behaviors in Detained Adolescents" (2013). Retrieved from <http://scholarworks.uno.edu/td>

Marzuki Ngah. (2005). Persepsi pelajar-pelajar KPLI maktab perguruan kuala Terengganu terhadap personaliti guru maktab. Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan Profesionalisme Maktab Perguruan Kuala Terengganu Batu Rakit 21030 Kuala Terengganu

Noor Erma Abu & Leong K. E. (2014). Hubungan antara sikap, minat, pengajara guru dan pengaruh rakan sebaya terhadap pencapaian matematik tambahan tingkatan 4. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* - Januari 2014, Bil. 2 Isu 1.

Sunderman, Barbara, "The Study of Pre-service Teachers Participating in Candidate Learning Communities: A Mixed Methods Study" (2015). Educational Administration: Theses, Dissertations, and Student Research. 217. Retrieved from <http://digitalcommons.unl.edu/cehsedaddiss/217>

Wong, Yau-ho Paul & Li-fang, Zhang (2013) "Personality types of hong kong kindergarten teachers: implications for teacher education," *Australian Journal of Teacher Education*: Vol. 38: Iss. 2, Article 6. Retrieved from <file:///C:/Users/User/Downloads/Chap6TheNEOInventoriesCM.pdf>